



Perubahan Pentadbiran ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sarawak dan Sabah





PETA KONSEP

PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI



PENGENALAN

1. Pelajar telah mempelajari pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak dan pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.
2. Bab ini akan menerangkan penyerahan Sarawak dan Sabah kepada kerajaan British dan langkah-langkah ke arah berkerajaan sendiri.

PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SARAWAK

1. Charles Vyner Brooke telah memperkenalkan Perlembagaan 1941 sempena Perayaan 100 Tahun Pengambilan Sarawak pada bulan Januari 1941.
2. Perlembagaan tersebut tidak dapat dijalankan kerana Jepun telah menyerang Sarawak dan menduduki Sarawak dari tahun 1941 hingga tahun 1945.

Sarawak selepas Kekalahan Jepun



Sarawak Diserah kepada Kerajaan British

Kerajaan British telah berusaha bagi mengambil alih pentadbiran Sarawak daripada keluarga Brooke.
Charles Vyner Brooke pula pada masa yang sama telah membuat keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.
Charles Vyner Brooke mahu menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British kerana beberapa faktor.

Faktor-faktor penyerahan

<ul style="list-style-type: none">• Charles Vyner Brooke enggan menyerahkan Sarawak kepada British sebelum perang Dunia Kedua.• Pihak British terus mendesak supaya Sarawak diserahkan agar pelaburan mereka lebih terjamin.	<ul style="list-style-type: none">• Umur Charles Vyner Brooke sudah lanjut dan dia tidak dapat mentadbir Sarawak dengan cekap.• Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk bersara kerana sudah uzur, namun beliau tidak mempunyai waris lelaki untuk menggantikannya.	<ul style="list-style-type: none">• Sarawak juga mengalami banyak kemusnahan akibat peperangan.• Charles Vyner Brooke tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membangunkan semula negeri Sarawak selepas perang.
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Satu persetujuan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British telah dicapai hasil rundingan Charles Vyner Brooke dengan British pada bulan Disember 1945.

Untuk mendapatkan tandatangan daripada ketua-ketua bumiputera dan pemimpin tempatan dalam Mjlis Tertinggi Sarawak, Charles Vyner Brooke telah menghantar Gerard T. MacBryan.

Seperi Harold MacMichael di Tanah Melayu, Gerard T. MacBryan telah menggunakan tipu muslihat untuk mendapatkan tandatangan pemimpin tempatan.

Dia berjaya mendapat persetujuan tersebut beberapa hari kemudian.

Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan keputusan Mjlis Tertinggi Sarawak untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 8 Februari 1946.

Pelbagai pihak membantah pengumuman ini, terutamanya orang Melayu dan Iban.

Oleh itu, Pejabat Tanah Jajahan meminta Charles Vyner Brooke mendapatkan persetujuan penyerahan Sarawak secara perundangan dan demokrasi.

Charles Vyner Brooke telah merujuk perkara tersebut kepada Mjlis Negeri.

Majlis Negeri meluluskan Rang Undang-undang penyerahan Sarawak atau *Cession Bill* setelah berunding selama tiga hari dengan 18 undi menyokong dan 16 undi menentang.

Ahli bukan bumiputera menyokong usul penyerahan tersebut. Sir Charles Arden Clarke dilantik menjadi Gabenor British yang pertama di Sarawak selepas kerajaan British mengisytiharkan Sarawak sebagai Jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946.



Sir Charles Arden Clarke




Gerard T. MacByran

Gerakan Antipenyserahan Sarawak






Penentangan dan Reaksi British



- ◆ Golongan antipenyserahan Sarawak di dapati terdiri daripada kalangan kakitangan kerajaan, khususnya guru Melayu.
- ◆ British telah mengeluarkan satu notis Circular No. 9 pada 31 Disember 1946 yang dikenal sebagai Surat Pekeliling No. 9. Notis ini telah menambahkan kemarahan mereka kepada pihak British.
- ◆ Seramai 338 orang kakitangan kerajaan meletak jawatan pada 2 April 1947. Kebanyakan kakitangan kerajaan yang bertindak sedemikian terdiri daripada guru Melayu.
- ◆ Oleh sebab itu, 22 buah sekolah kerajaan terpaksa ditutup dan pada hari berikutnya seramai 56 pelajar Mktab Perguruan Melayu Sarawak meninggalkan pengajian mereka kerana membantah notis berkenaan.

- ◆ Pada 1 Julai setiap tahun, tunjuk perasaan besar-besaran diadakan. Tunjuk perasaan terbesar diadakan di Kuching pada 1 Julai 1947 dan disertai oleh PKMS, BMP, dan PDS membantah pelantikan Gabenor Sarawak yang pertama, iaitu Sir Charles Arden Clarke.
- ◆ Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibul telah mengadakan perhimpunan yang dihadiri oleh 250 perwakilan bumiputera dari seluruh cawangan BPM dan hal ini memperhebatkan lagi gerakan penentangan.
- ◆ Anggapan British tentang gerakan antipenyerahan yang hanya sementara meleset kerana gerakan tersebut semakin mendapat sokongan penduduk Sarawak.



Pembunuhan Gabenor Kedua Sarawak

Lawatan ke Sibu

♣ Gabenor Sarawak kedua, Sir Duncan Stewart mengadakan lawatan ke Sibu pada 3 Disember 1949.

Ditikan

♣ Rosli Dhobi telah menikamnya dengan pisau sebaik sahaja beliau tiba. Duncan Stewart meninggal dunia di hospital Singapura.

British guna kekerasan

♣ Peristiwa pembunuhan Duncan Stewart memberi kesempatan kepada British untuk menggunakan kekerasan bagi menumpaskan gerakan antipenyerahan.



Rosli Dhobi sedang ditangkap. Beliau kemudian dihukum bunuh.

1. Kesemua tindakan British akhirnya berjaya melumpuhkan gerakan antipenyerahan.
2. Pihak British dapat mengukuhkan kedudukannya di Sarawak menjelang awal tahun 1950-an.
3. Pihak British kekal berkuasa dan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan sehingga tahun 1963.

Langkah ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sarawak

1956

- ❖ Satu pindaan telah dibuat berkenaan jumlah keahlian Majlis Negeri dan Ahli Majlis Tertinggi dalam Perlembagaan Negeri Sarawak.
- ❖ Pada bulan April 1957, pindaan perlembagaan ini mula berkuat kuasa.
- ❖ Ahli Majlis Negeri dan ahli Majlis Tertinggi ditambah menjadi 10 orang ahli dalam pindaan ini.

1947

- ❖ Majlis Tempatan mula dibentuk oleh British.
- ❖ Ahli-ahli yang dilantik berpulang mengambil bahagian dalam pentadbiran tempatan melalui majlis ini.
- ❖ Majlis Tempatan berfungsi menguruskan pelajaran rendah, bekalan air, jalan raya, kesihatan dan mengawal perbelanjaan di kawasan yang dipertanggungjawabkan.
- ❖ Majlis Tempatan juga mengutip cukai kepala dan cukai-cukai lain.

1946

- ❖ Sistem pentadbiran negeri Sarawak disusun semula untuk memudahkan pentadbiran.
- ❖ Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian.
- ❖ Seorang Residen mengetuai setiap bahagian.
- ❖ Setiap bahagian pula dibahagikan kepada beberapa daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah.

Penubuhan parti Politik di Sarawak

1. Beberapa buah parti politik ditubuhkan hasil daripada Perlembagaan 1956.
2. Antaranya :
 - (a) Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP).
 - (b) Parti Negara Sarawak (PANAS).
 - (c) Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).
 - (d) Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA).
 - (e) Persatuan Cina Sarawak (SCA).
 - (f) Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA).

Parti	Tarikh Penubuhan	Pengasas	Matlamat
Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)	12 Jun 1959	Ong Kee Hui dan Stephen Yong	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Mewujudkan perpaduan dan kesetiaan dikalangan rakyat Sarawak. ♦ Menyatupadukan kaum di Sarawak.
Parti Negara Sarawak (PANAS)	9 April 1960	Datu patinggi Abang Haji Mustapha 	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Mewujudkan keharmonian di kalangan semua kaum di Sarawak. ♦ Menuntut pendidikan percuma bagi sekolah rendah. ♦ Mempertingkatkan kedudukan politik, ekonomi dan sosial bumiputera.
Persatuan Cina Sarawak (SCA)	Julai 1962	William Tan	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Berusaha ke arah perpaduan orang Cina.
Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)	10 April 1961	Stephen Kalong Ningkan 	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Memperjuangkan hak dan kepentingan orang Iban di Sarawak. ♦ Mendapatkan kemerdekaan bagi Sarawak.
Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)	Ogos 1962	Temenggung Jugah 	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Membantu orang Dayak mencapai perpaduan dan menjamin hak mereka dalam perlembagaan.
Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)	4 Disember 1961	Datu Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman 	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Mempertingkatkan taraf hidup bumiputera Sarawak. ♦ Mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat. ♦ Menyelamatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan fahaman komunis.

3. Perikatan Sarawak telah dibentuk pada bulan November 1962. Parti-parti politik yang terlibat ialah :

- (a) Persatuan Cina Sarawak (SCA).
 - (b) Parti Negara Sarawak (PANAS).
 - (c) Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA).
 - (d) Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).
 - (e) Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA).
4. Pembentukan ini bertujuan menghadapi pilihan raya pada tahun 1963. Parti Perikatan Sarawak memenangi 138 kerusi dalam pilihan raya tersebut.

PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SABAH

Sabah selepas Kekalahan Jepun



Sabah Diserahkan kepada Kerajaan British

1. Kerajaan British telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Borneo Utara British (SBUB).
2. Berdasarkan perjanjian tersebut, Borneo Utara secara rasminya menjadi tanah jajahan British pada 15 Julai 1946.



3. Hanya waris Kesultanan Sulu menentang penyerahan Sabah kepada pihak British kerana menganggap Sabah sebagai miliknya.
4. Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) dan Barisan Pemuda (BARIP) hanya berjuang untuk memperbaiki keadaan politik dan ekonomi.

Langkah ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sabah

1. Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan British untuk melatih penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri sejak tahun 1950.

Tahun 1950

- ♥ Melalui Perlembagaan baru yang diperkenalkan oleh pihak British, Mjlis Kerja dan Mjlis Undangan telah ditubuhkan.
- ♥ Wakil-wakil anak negeri diberi peluang melibatkan diri dalam pemerintahan negeri melalui pelantikan mereka secara tidak rasmi dalam Mjlis Undangan.
- ♥ **Donald Stephens** dan **Tun Datu Mustapha Datu Harun** merupakan antara pemimpin kaum bumiputera yang pernah menganggotai majlis tersebut.

Tahun 1952

- ♥ Pilihan Raya Majlis Tempatan diadakan untuk memilih perwakilan secara **demokrasi**.

Tahun 1960





- ♥ Bagi menambah jumlah bilangan pemimpin kaum bumiputera sebagai ahli tidak rasmi dalam Mjlis Undangan, pihak British telah meminda Perlembagaan.
- ♥ Tetapi, semua ahli yang dilantik bukan dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya sebaliknya mereka dilantik menjadi Gabenor British.

Tahun 1962

- ♥ **Pilihan Majlis Undangan** diperkenalkan oleh pihak British.

Langkah ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sabah

1. Selepas pengumuman gagasan Persekutuan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman, kemunculan parti politik di Sabah semakin ketara.
2. Antara parti politik yang ditubuhkan dalam tempoh 15 bulan.
 - (a) Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)
 - (b) Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
 - (c) Persatuan Cina Sabah (SCA)

Parti	Tarikh	Pengasas	Matlamat
Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)	Ogos 1961	Donald Stephens 	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Menjaga kepentingan dan memelihara hak orang Kadazandusun.
Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)	23 Disember 1961	Datu Mustapha bin Datu Harun 	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Memperjuang hak kaum bumiputera muslim. ♣ Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. ♣ Memperjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi. ♣ Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah.
Pasok Momogun	4 Jun 1962	Orang Kaya-kaya Sedoman dan G.S. Sundang 	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Melindungi kepentingan penduduk di kawasan pedalaman Sabah.
Persatuan Cina Sabah (SCA) (Gabungan Parti Bersatu dan Parti Demokratik)	12 Mac 1962	Khoo Siak Chiew dan Peter Chin 	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Melindungi hak orang Cina.